



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT PERKASA KOMUNITI KAMPUNG TOK KEPAK MELALUI PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

JITRA, 21 Julai 2025 - Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI dalam merapatkan jurang pembangunan antara desa dan bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memilih **Kampung Tok Kepak, Kodiang, Kedah** sebagai salah satu lokasi pelaksanaan **Program Kampung Angkat MADANI (KAM)** bagi tahun 2025.

Bagi tujuan tersebut, sebanyak **15 projek berimpak tinggi** telah dirancang dan sedang dilaksanakan di kampung ini, merangkumi:

1. Lima (5) projek KAM KPKT 2025;
2. Empat (4) projek di bawah Bantuan Projek BP1;
3. Dua (2) projek Program Pembangunan Komuniti Bandar (PPKB);
4. Dua (2) projek oleh Jabatan Landskap Negara (JLN);
5. Satu (1) projek di bawah ICU Kedah; dan
6. Satu (1) projek oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Projek-projek ini merangkumi aspek **pembangunan fizikal dan sosial** bertujuan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Kampung Tok Kepak secara menyeluruh, termasuk dari segi kemudahan awam, ekonomi dan pembangunan komuniti.

Salah satu projek yang telah berjaya disiapkan ialah **Projek Meroboh dan Membina Semula Dewan Orang Ramai Kampung Tok Kepak**, hasil kolaborasi antara Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP). Dewan yang telah siap dibina ini dijenamakan semula sebagai **Dewan Komuniti Kampung Tok Kepak**.

Majlis perasmian dewan komuniti tersebut telah disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** pada 19 Julai 2025. Dalam ucapannya, beliau menzahirkan harapan agar kemudahan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh penduduk kampung

bagi pelaksanaan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Beliau turut mengingatkan agar kemudahan yang telah disediakan dijaga dengan baik demi kepentingan bersama.

Selain dewan komuniti, beberapa projek lain di bawah inisiatif KAM yang sedang giat dilaksanakan termasuk projek penurapan jalan, naik taraf bangunan Tabika KEMAS dan Masjid Tok Kepak, naik taraf kemudahan Sekolah Kebangsaan Tok Kepak, pemasangan lampu jalan jenis LED, pengindahan landskap, pembinaan dan baik pulih rumah penduduk yang layak. **Keseluruhan program pembangunan ini melibatkan peruntukan melebihi RM3 juta.**

YBhg. Datuk Wira M Noor Azman turut meluangkan masa meninjau kemajuan pelaksanaan projek-projek berkenaan bersama pegawai kanan KPKT dan MPKP.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), YBrs. Tuan Haji Zulkeflee bin Sulaiman; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Berhad, YBhg. Dato' Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff; Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti KPKT, YBhg. Dato' Dr. Muhamad Sade bin Mohamad Amin; Yang Dipertua MPKP, YBrs. Tuan Badrulhisham bin Hj Sulaiman; Pengerusi JPKK Kampung Tok Kepak, YBrs. Tuan Ishak bin Taib; serta kepimpinan komuniti, pegawai KPKT, agensi teknikal dan penduduk setempat.

Inisiatif ini membuktikan komitmen KPKT dalam memperkasa komuniti luar bandar melalui pendekatan pembangunan seimbang, inklusif dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

